

## TERMA DAN SYARAT

### KEMPEN CABUTAN BERTUAH PERWIRA SUPER APP

#### 1. TEMPOH KEMPEN

- a. Kempen Cabutan Bertuah PERWIRA Super App (“Kempen”) akan berlangsung dari 20 September 2025 hingga 16 September 2026.
- b. Kempen ini dibahagikan kepada dua (3) kategori iaitu:
  - i. Warga Kerja Pertahanan & Penjawat Awam MINDEF
  - ii. Veteran
  - iii. Askar Simpanan

#### 2. KELAYAKAN

Terbuka kepada semua Warga Kerja Pertahanan & Penjawat Awam MINDEF, dan Veteran yang telah memuat turun dan mendaftar dalam aplikasi PERWIRA Super App.

#### 3. MEKANISME KEMPEN

Peserta Layak akan mendapat peluang cabutan bertuah berdasarkan langkah penyertaan seperti berikut:

Kategori	Perincian	Tiket Cabutan
Kategori <i>Early Bird</i>	Memuat turun dan daftar aplikasi dalam tempoh 2 minggu selepas dilancarkan	2 tiket
Kategori Biasa	Memuat turun dan daftar sepanjang tempoh kempen	1 tiket
Tiket Tambahan	Pembelian pertama RM50 dan ke atas di Kedai PERNAMA	1 tiket
	Pembelian pertama RM100 di Kedai PERNAMA	1 tiket

- a. Setiap Peserta Layak berhak mendapat maksimum empat (4) tiket cabutan bagi kategori *Early Bird* dan maksimum tiga (3) tiket cabutan bagi kategori biasa sepanjang Tempoh Kempen, termasuk tiket tambahan daripada pembelian di Kedai PERNAMA.
- b. Jumlah keseluruhan tiket cabutan bagi setiap Peserta Layak akan dikira pada akhir Tempoh Kempen.
- c. Bagi tiket tambahan, peserta hanya layak untuk menyertai salah satu (1) kategori sahaja.

#### 4. KATEGORI HADIAH

Warga Kerja Pertahanan & Penjawat Awam MINDEF		
No.	Hadiah	Bilangan Pemenang
1.	Perodua Bezza 1.3 X Automatic	1
2.	Umrah Packages	2 pasangan
3.	Yamaha Y15ZR 2025	3
4.	Xiaomi Robot Vacuum Mop X10 (with Auto-empty station)	3
5.	Samsung Galaxy A06 5G	5
6.	Elba 185L 2-Door Fridge ER-Q1858	3
7.	Xiaomi 32" Google TV A Series Smart TV	3
8.	Samsung Galaxy Tab A7 Lite	3
9.	Electrolux 5 L UltimateTaste 500 Air Fryer	5
10.	Philips Tower Fan CX5535/11	3
11.	SHARP 350W Stand Mixer - EMS80WH	5
12.	Sony WH-CH520 Wireless Headphones	5
13.	Tefal So Matcha Non-Stick Frypan	15
	<b>Jumlah Pemenang</b>	<b>56</b>

Veteran		
No.	Hadiah	Bilangan Pemenang
1.	Umrah Packages	3 pasangan
2.	Prämie Electronic Massage Chair Full body	3
3.	LG PuriCare 360° HIT Air Purifier	3
4.	PHILIPS Philips PPM3101N Inflatable Hot Compress U-Shaped Pillow 360° Neck Support Ergonomic	5
5.	2-Pack Air Wave Leg Massager	5
6.	Tefal Digital Rice Cooker Easy Rice Max 1.8 L	5
7.	IKEA TILLREDA Microwave Oven	5
8.	Philips Series 3000 Blender	10
<b>Jumlah Pemenang</b>		<b>39</b>

**PENAFIAN:** Hadiah termasuk, tetapi tidak terhad kepada, barangan elektronik, peralatan rumah, pakej perjalanan, baucar, dan barangan eksklusif. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan item lain yang bernilai sama atau lebih tinggi tanpa pemberitahuan awal.

## 5. PEMILIHAN PEMENANG

- a. Peserta hendaklah memenuhi semua kriteria yang telah ditetapkan untuk melayakkan diri menyertai Kempen ini.
- b. Pemilihan pemenang akan dijalankan melalui sistem cabutan elektronik yang dipantau oleh pihak penganjur. Tarikh dan lokasi cabutan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.
- c. Pemenang akan diumumkan pada September 2026 melalui laman web rasmi PERWIRA Super App.
- d. Pemenang akan dihubungi menggunakan maklumat terkini yang didaftarkan dalam PERWIRA Super App. Sekiranya maklumat tersebut tidak tepat atau pemenang gagal dihubungi selepas tiga (3) percubaan pada hari yang sama, hadiah akan diberikan kepada pemenang simpanan.
- e. Hadiah perlu dituntut dalam tempoh 14 hari kalendar daripada tarikh pengumuman.

- f. PERWIRA Super App tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kehilangan hadiah selepas ia dituntut.
- g. PERWIRA Super App berhak meminta dokumen pengenalan diri sebelum hadiah diserahkan.
- h. Jika pemenang tidak layak atau dibatalkan, pihak penganjur berhak memilih peserta lain tanpa perlu memberikan sebarang alasan.
- i. Sebarang rayuan, bantahan atau pertanyaan berkaitan keputusan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

### **5.1 Syarat Khas untuk Pemenang Pakej Umrah**

- a. Pakej Umrah tertakluk kepada semua terma, syarat dan jadual perjalanan yang ditetapkan oleh agensi pelancongan yang dilantik oleh Penganjur.
- b. Pemenang mestilah mempunyai pasport yang sah dengan sekurang-kurangnya enam (6) bulan tempoh sah laku daripada tarikh perjalanan yang dijadualkan.
- c. Pemenang bertanggungjawab untuk memenuhi semua keperluan yang ditetapkan oleh agensi pelancongan, syarikat penerbangan dan pihak berkuasa berkaitan, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
  - keperluan visa,
  - keperluan kesihatan dan vaksinasi, serta
  - dokumen dan kelulusan perjalanan yang diperlukan.
- d. Pakej Umrah adalah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh ditukar ganti, dan tidak boleh ditebus dengan wang tunai atau apa-apa bentuk pampasan lain.
- e. Tarikh perjalanan adalah tertakluk kepada ketersediaan dan akan ditentukan oleh agensi pelancongan yang dilantik. Penganjur dan agensi pelancongan berhak untuk mengubah atau melaraskan tarikh perjalanan jika perlu.
- f. Sebarang perbelanjaan peribadi atau kos tambahan yang tidak dinyatakan sebagai sebahagian daripada pakej Umrah (contohnya lawatan pilihan, pembelian peribadi, lebihan bagasi, insurans tambahan, makanan di luar pakej) adalah di bawah tanggungjawab pemenang sepenuhnya.
- g. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang perubahan, kelewatan atau pembatalan yang berpunca daripada:
  - penolakan visa,
  - sekatan perjalanan,
  - perubahan peraturan perjalanan, atau
  - ketidakupayaan pemenang untuk melakukan perjalanan atas sebab kesihatan, peribadi atau dokumentasi.
- h. Pemenang wajib menghadiri sebarang taklimat yang ditetapkan dan melengkapkan semua dokumentasi yang diminta oleh agensi pelancongan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan hadiah dibatalkan.

## 5.2 Syarat Khas untuk Pemenang Hadiah Kereta

- a. Hadiah kereta diberikan dalam spesifikasi standard seperti ditetapkan oleh pengeluar. Warna, varian model dan spesifikasi adalah tertakluk kepada ketersediaan dan boleh berubah tanpa notis.
- b. Hadiah kereta tidak boleh dipindah milik, tidak boleh ditukar ganti dan tidak boleh ditebus dengan wang tunai, kredit atau apa-apa bentuk pampasan lain.
- c. Penganjur HANYA menyediakan unit kenderaan. Semua kos lain yang berkaitan dengan pemilikan, pendaftaran, pengambilan serta kesediaan jalan raya adalah sepenuhnya tanggungjawab pemenang, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
  - bayaran pendaftaran JPJ
  - cukai jalan
  - insurans (mandatori dan pilihan)
  - bayaran nombor plat (termasuk nombor khas)
  - pemeriksaan PUSPAKOM (jika diperlukan)
  - bayaran pindah milik
  - aksesori tambahan atau naik taraf
  - kos pengangkutan (jika penghantaran diminta)
- d. Pemenang mesti mempunyai lesen memandu Malaysia yang sah (Kelas D) serta MyKad semasa proses pengambilan.
- e. Pemenang bertanggungjawab menyediakan semua dokumen yang diperlukan untuk pendaftaran dan insurans dalam tempoh yang ditetapkan. Kegagalan boleh menyebabkan hadiah dibatalkan.
- f. Penganjur tidak bertanggungjawab atas kelewatan penghantaran kereta akibat kekurangan stok, jadual pengedar, logistik atau keperluan peraturan.
- g. Waranti, servis, dan penyelenggaraan adalah tertakluk kepada terma standard pengeluar. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap kos pembaikan atau penyelenggaraan selepas penyerahan.
- h. Pemenang mesti mengambil kereta dalam tempoh **60 hari** dari tarikh notifikasi. Jika gagal, hadiah boleh dibatalkan.
- i. Imej promosi adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Model sebenar mungkin berbeza dari segi warna, spesifikasi atau tahun.
- j. Penganjur berhak menggantikan hadiah kereta dengan model lain yang bernilai sama atau lebih tinggi jika model asal tidak tersedia.

## 5.3 Syarat Khas untuk Pemenang Hadiah Motosikal

- a. Hadiah motosikal diberikan dalam spesifikasi standard seperti ditetapkan oleh pengeluar. Warna, varian dan spesifikasi adalah tertakluk kepada ketersediaan dan boleh berubah tanpa notis.
- b. Hadiah motosikal tidak boleh dipindah milik, tidak boleh ditukar ganti dan tidak boleh ditebus dengan wang tunai, kredit atau apa-apa bentuk pampasan lain.
- c. Penganjur HANYA menyediakan unit motosikal. Semua kos lain yang berkaitan dengan pemilikan, pendaftaran, pengambilan dan kesediaan jalan raya adalah sepenuhnya tanggungjawab pemenang, termasuk:
  - bayaran pendaftaran JPJ

- cukai jalan
  - insurans (mandatori dan pilihan)
  - nombor plat (termasuk nombor khas)
  - pemeriksaan PUSPAKOM (jika perlu)
  - bayaran pindah milik
  - peralatan menunggang (helmet, jaket, dll.)
  - aksesori atau naik taraf
  - kos penghantaran atau pengangkutan (jika diminta)
- d. Pemenang mesti memiliki lesen motosikal Malaysia yang sah (Kelas B2, B atau setara) serta MyKad semasa pengambilan.
  - e. Pemenang bertanggungjawab menyediakan semua dokumen yang diperlukan untuk pendaftaran dan insurans dalam tempoh yang ditetapkan. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan hadiah dibatalkan.
  - f. Penganjur tidak bertanggungjawab atas kelewatan penghantaran motosikal akibat kekurangan stok, proses pengedar, logistik atau keperluan peraturan.
  - g. Waranti, servis dan penyelenggaraan adalah tertakluk kepada terma standard pengeluar. Penganjur tidak menanggung sebarang kos servis atau pembaikan selepas penyerahan.
  - h. Pemenang mesti mengambil motosikal dalam tempoh 60 hari selepas notifikasi. Jika gagal, hadiah boleh dibatalkan.
  - i. Imej promosi adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja; model sebenar mungkin berbeza dari segi warna, tahun atau spesifikasi.
  - j. Penganjur berhak menggantikan hadiah motosikal dengan unit lain yang bernilai sama atau lebih tinggi sekiranya model asal tidak tersedia.

## **6. TERMA DAN SYARAT UMUM**

- a. PERWIRA Super App berhak, dengan memberikan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari, untuk meminda, menangguh atau menamatkan Kempen ini pada bila-bila masa.
- b. Sebarang pindaan, penangguhan atau penamatan tidak akan menimbulkan sebarang tuntutan pampasan atau liabiliti daripada peserta terhadap PERWIRA Super App.
- c. PERWIRA Super App tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian, kerosakan atau kos yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan dalam Kempen ini.
- d. Kempen ini tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia.
- e. PERWIRA Super App berhak membatalkan penyertaan mana-mana peserta yang melanggar Terma dan Syarat atau terlibat dalam sebarang bentuk penipuan, pemalsuan atau gangguan terhadap kelancaran Kempen.
- f. Dengan menyertai Kempen ini, peserta bersetuju dan memberi kebenaran bahawa data peribadi mereka boleh dikumpul, diproses dan digunakan bagi tujuan pengurusan Kempen, promosi serta aktiviti pemasaran selaras dengan Notis Privasi PERWIRA Super App.

- g. PERWIRA Super App berhak menggunakan nama, gambar atau maklumat pemenang untuk tujuan publisiti, promosi dan pengiklanan tanpa sebarang bayaran tambahan atau kebenaran lanjut.
- h. Untuk sebarang pertanyaan, maklum balas atau aduan berkaitan Kempen ini, peserta boleh menghubungi:
- Emel: [enquiries@perwira.com.my](mailto:enquiries@perwira.com.my)
  - Saluran rasmi: melalui aplikasi PERWIRA Super App